



PERBADANAN ASET KERETAPI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

TARIKH: 21 MEI 2026

Tawaran sebut harga ini dipelawa daripada syarikat/ kontraktor yang mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan (MOF) di bawah kod bidang berkaitan dan masih sah semasa membuat tawaran sebut harga perkhidmatan seperti berikut:

BUTIRAN TAWARAN	SYARAT KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH DOKUMEN SEBUT HARGA BOLEH DIBELI DAN DIMUAT TURUN	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
NO. SEBUT HARGA: RAC.BP-B/01/26 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PEJABAT DI MENARA SENTRAL PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) BAGI TEMPOH DUA PULUH EMPAT (24) BULAN	STATUS: BUMIPUTERA KOD BIDANG MOF: 221001: Perkhidmatan Pembersihan Bangunan dan Pejabat	Harga Dokumen: RM10.00 (Tidak akan dikembalikan) Pembelian adalah dalam talian melalui sistem Tender Wizard RAC	9 Jun 2026 (Selasa) Sehingga 15 Jun 2026 (Isnin)	Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah WAJIB dihantar secara: 1. Dimuat naik melalui Sistem Tender Wizard RAC ; dan 2. Satu (1) set dokumen lengkap dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri/ berlakri yang ditulis Tajuk dan No.Sebut Harga di penjuru kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat: KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERBADANAN ASET KERETAPI 27-1, Sentral RAC, No.16 Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, 50470, Kuala Lumpur. Sebelum atau pada tarikh 16 Jun 2026 (Selasa) tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari

Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri **Taklimat Sebut harga** dan **Lawatan Tapak** seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 8 Jun 2026 (Isnin) Masa : 10:30 pagi Tempat : Perbadanan Aset Keretapi Dewan Limau Kasturi Aras 9, Sentral RAC No. 16 Jalan Tun Sambanthan 50470 Brickfields, WP KUALA LUMPUR	<ul style="list-style-type: none">i. Hanya penyebut harga yang telah memenuhi syarat pendaftaran yang ditetapkan adalah layak untuk menyertai taklimat dan lawatan tapak;ii. Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, hanya penama yang tercatat dalam sijil MOF yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat. Penyebut harga tidak boleh menghantar wakil selain penama dalam sijil MOF; daniii. Sila bawa bersama Sijil MOF (ASAL), STB dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) beserta satu SALINAN sijil tersebut dan cop syarikat.iv. Sijil akuan pendaftaran syarikat dengan MOF hendaklah masih berkuat kuasa sekurang- kurangnya melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup sebut harga.
---	---

1. **Hanya penyebut harga yang telah menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak serta berdaftar sebagai Pembekal RAC melalui sistem Tender Wizard RAC sahaja** yang layak dan boleh memuat turun Dokumen Sebut harga. Pendaftaran sebagai Pembekal RAC boleh dibuat di pautan <https://tenderwizard.my/RAC>. Fi pendaftaran sebagai pembekal adalah RM150.00 untuk 12 bulan.

2. Sila ambil perhatian bahawa **Fi Perkhidmatan** berjumlah 0.8% akan dikenakan kepada penyebut harga yang berjaya berdasarkan kepada harga tawaran, tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600.00 (tidak termasuk cukai perkhidmatan). Justeru itu, cukai perkhidmatan sebanyak 8% akan dicaj ke atas nilai fi perkhidmatan tersebut. Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini hendaklah dihantar melalui e-mel kepada inquiry.perolehan@rac.gov.my.